

25/09/2000

33 rakyat Filipina bukan pelarian perang

KUALA LUMPUR, Ahad - Seramai 33 rakyat Filipina yang ditahan tentera di perairan Sabah baru-baru ini adalah pendatang tanpa izin, bukannya pelarian perang, kata Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Datuk Abdul Hamid Mustapha.

Ini bermakna, katanya sehingga kini belum ada pelarian perang dari Filipina memasuki perairan negara ini selepas lapan hari tentera Filipina menggempur Pulau Jolo di selatan Filipina bagi membebaskan tebusan kumpulan Abu Sayyaf.

"Setakat ini, polis mengesahkan mereka bukan pelarian perang tetapi pendatang tanpa izin. Mereka didapati mencerooboh perairan negara," katanya kepada pemberita selepas menutup Kejohanan Hoki (Lelaki) Polis 2000 di sini, hari ini.

Abdul Hamid berkata, kumpulan rakyat Filipina terbabit masih ditahan untuk siasatan lanjut.

Jumaat lalu, Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin berkata, 33 rakyat Filipina ditahan manakala 60 orang dihalau kerana mencerooboh perairan negara.

Penahanan itu adalah yang pertama sejak pasukan keselamatan meningkatkan kawalan keselamatan di perairan Sabah, berikutan serangan besar-besaran tentera Filipina ke atas kumpulan Abu Sayyaf di Jolo bagi membebaskan tebusan, termasuk tiga rakyat Malaysia yang diculik di Pulau Pandanan, 10 September lalu.

Khamis lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata rakyat Filipina yang melarikan diri ke negara ini untuk mengelak serangan tentera di selatan negara itu, akan dianggap pelarian perang.

Dr Mahathir berkata, pelarian itu akan ditempatkan di kawasan khusus dan dilarang keluar, kecuali jika mereka sanggup balik ke Filipina.

Sementara itu, Abdul Hamid berkata beliau bersama Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, akan ke Semporna esok bagi menilai kedudukan dan kawalan keselamatan anggota keselamatan di perairan Sabah.

(END)